

15/08/1999

Perihal kapal Azhar dan Siti Zaharah

MINGGU ini Kiau nak cakap sikit mengenai kapal. Satu kapal sebenar macam yang dilayari Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia dan satu lagi mengenai kapal yang digunakan sebagai ungkapan dalam politik.

Bercakap mengenai kapal sebenar, Kiau menyertai rakyat Malaysia yang cintakan negara, mengalu-alukan kepulangan Datuk Azhar dan mengucapkan setinggi syabas kepadanya kerana berjaya mengelilingi dunia.

Bukan mudah nak keliling dunia. Bagi kebanyakan kita, keliling kampung pun tak kuat.

Kiau ingat lagi masa kanak-kanak dulu. Apabila orang bercerita mengenai pelayaran atau kita baca hikayat, lautan digambarkan sebagai sesuatu yang menakjub dan menakutkan dengan burung garuda dan naga.

Dalam zaman moden ini pun, lautan dan pelayaran masih berbahaya. Hanya orang yang berilmu dan cekal berani melakukannya dengan bersendirian menggunakan kapal layar.

Itulah yang dilakukan Azhar apabila beliau mengelilingi dunia dengan kapal layar 'Jalur Gemilang' selama 190 hari.

Sekali gus, anak Perlis itu memberi makna kepada cogan kata 'Malaysia Boleh' dan meletakkan dirinya sebagai 'Panglima Awang' zaman sains dan teknologi.

Kiau bangga dan terharu menyertai ribuan rakyat Malaysia menunggu kepulangan Azhar di jeti Awana Porto Malai, Langkawi malam Rabu lalu.

Pada saat-saat adanya rakyat Malaysia yang sanggup menjadi pengkhianat bangsa dan negara kerana bencikan kerajaan, Azhar dan pengembara negara yang lain berdiri megah sebagai patriot.

Sama ada melayari lautan, mendaki puncak Everest atau meredah Kutub Utara, mereka membuktikan bahawa dengan ilmu dan kecekalan, cogan kata 'Malaysia Boleh' bukanlah teriakan kosong.

Kiau yakin kejayaan pengembara moden ini akan menggalakkan lebih banyak rakyat Malaysia, khususnya golongan muda, untuk mencipta sesuatu yang selama ini dianggap boleh dilakukan hanya oleh orang kulit putih.

Melayari lautan seperti dilakukan Azhar bukan saja memerlukan belanja besar, tetapi juga pengetahuan yang dalam mengenai lautan, ombak, arus dan arah angin.

Demikian juga halnya dengan pengembaraan dan kegiatan luar biasa yang lain. Ia bukan sekadar riadah atau cara menonjolkan keakuan seseorang. Kegiatan ini sebenarnya menonjolkan kefahaman seseorang terhadap sains dan kejadian alam.

Adalah menjadi harapan Kiau agar wira kita seperti Datuk Azhar, terus mendapat sokongan masyarakat, khasnya golongan korporat, supaya mereka bukan saja boleh hidup sempurna, tetapi juga menyebarkan ilmu mereka kepada generasi muda.

Terlanjur bercakap pasal kapal dan pelayaran, Kiau tertarik dengan kenyataan Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman Khamis lalu, meminta ahli dan pemimpin pergerakan itu supaya jangan 'rock the boat'.

Kalau diterjemahkan terus ke bahasa Melayu, beliau meminta supaya jangan menggoncangkan perahu.

Dalam bahasa Inggeris, ungkapan itu membawa erti melakukan sesuatu yang boleh membawa padah buruk kepada sesuatu perkongsian.

Kiau hairan siapa yang sebenarnya menggoncang perahu dan perahu siapa pula yang digoncang.

Sepanjang yang Kiau faham, perahu Wanita Umno bergoncang dan masuk air

apabila Siti Zaharah menggugurkan dua ketua wanita negeri, seorang naib ketua dan dua ahli Exco pergerakan itu dan menggantikan mereka dengan orang baru.

Tindakan itu berlaku hanya beberapa hari selepas Presiden parti meminta ahli dan pemimpin Umno merapatkan barisan untuk menghadapi pilihan raya.

Umum tahu, tindakan Siti Zaharah itu ditentang oleh sesetengah pihak sehingga ada yang khabarnya pergi berjumpa Dr Mahathir untuk mengadu nasib dan meminta nasihat.

Umum juga tahu keputusan Siti Zaharah itu dipinda oleh parti walaupun kononnya dengan persetujuan beliau sendiri.

Anehnya, apabila Presiden parti mengumumkan keputusan itu pada mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi Umno, Siti Zaharah tidak hadir kerana kononnya sakit.

Kiau rasa kalau Umno benar-benar serius menghadapi pilihan raya akan datang dengan semangat perpaduan, peristiwa seperti yang berlaku dalam pergerakan Wanita hendaknya janganlah diulangi.

Banyak orang tahu tanpa kerenah pada peringkat pusat, Umno sudah pun mempunyai bermacam-macam masalah dan penyakit untuk diatasi pada peringkat negeri dan bahagian menjelang pilihan raya.

Kegiatan lobi-melobi untuk jadi calon sudah bermula dan banyak bahagian sudah kacau sebab ada pemimpin yang lebih mementingkan diri sendiri daripada parti.

Mereka kena ingat, mereka boleh kalah bukan kerana parti lawan kuat tetapi kerana Umno sendiri dilemahkan oleh perebutan kerusi.

(END)